

08/04/1998

Infotech/ITX '98 anjur dialog antara peserta

Husain Jahit

PERSIDANGAN dan pameran perdana teknologi maklumat (IT) kebangsaan, Infotech/ITX Malaysia '98, akan menganjurkan dialog di kalangan peserta termasuk ahli politik, pegawai kanan kerajaan, pegawai kanan industri, golongan profesional, ahli akademik dan media.

Persidangan anjuran Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi NITC.

Ia akan menggunakan kaedah 'Dialog Pengkongsian Pintar' dalam bentuk perbincangan meja bulat di mana peserta berpeluang berbincang dan menyuarakan pandangan mengenai isu yang sudah dibenteng dan keputusannya disimpulkan dalam sesi pleno.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata sebagaimana persidangan terdahulu, Infotech Malaysia '98 dengan tema Turning Ripples to Tidal Waves - Productising Ideas Into Solutions and Services akan menjadi platform bagi peserta tempatan dan antarabangsa memberi pandangan serta berbincang dan mengenal pasti isu atau cabaran yang akan ditempuh dalam usaha melaksanakan agenda IT negara.

"Infotech/ITX Malaysia '98 yang diadakan selama empat hari mulai 21 April depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan turut membantu menyedarkan orang ramai mengenai usaha kerajaan melahirkan masyarakat berasaskan maklumat mengikut hala tuju yang betul," tambahnya di sidang akhbar di Bukit Jalil minggu lepas.

Turut hadir ialah Pengerusi dan Ketua Eksekutif Mimos Berhad, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, Pengerusi Pikom, Shaifubahrim Saleh dan Pengerusi Telekom Malaysia, Datuk Ali Hassan.

Menurut Tengku Azzman, antara isu utama yang akan dibentengkan ialah Pembangunan Manusia - Meningkatkan Ilmu IT, Pembangunan Infostruktur - Isu dan Implikasi dari Rangkaian dan Sistem Bersepadu, Pembangunan Aplikasi - Aplikasi Tempatan untuk Pasaran Global, dan Ke Arah Masyarakat Madani.

Beberapa siri bengkel akan turut diadakan pada 23 April untuk membincangkan beberapa isu termasuk permasalahan tahun 2000 atau Millennium Bug (Y2K), demonstrator aplikasi, perdagangan elektronik, isu keselamatan dan pendidikan huburan (edutainment).

Ditanya mengenai penyertaan syarikat dalam ITX'98, Pengerusi Pikom, Shaifubahrim berkata, sehingga kini 73 syarikat dan beberapa agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri sudah mengesahkan penyertaan mereka.

"Lebih 50 peratus peserta adalah syarikat tempatan. Kali ini kami mengutamakan pertunjukan oleh beberapa pelaksana IT dalam merealisasikan idea mereka ke dalam bentuk penyelesaian berinovatif dan aplikasi yang menggunakan bahan tempatan.

"Buat pertama kalinya kami menjemput semua rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat, tidak kira syarikat kecil atau besar, individu, institusi pendidikan, agensi kerajaan mahu pun syarikat swasta yang berjaya membangun dan melaksanakan aplikasi pintar mereka sendiri, mempamerkan kejayaan mereka," katanya.

Dalam masa yang sama, Pengerusi Telekom Malaysia, Datuk Ali Hassan menyerahkan cek bernilai RM600,000 kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie. Telekom Malaysia, selaku penganjur bersama Infotech/ITX'98, akan turut menyediakan infrastruktur asas sistem telekomunikasi, termasuk kemudahan persidangan video.

Menurut Tengku Azzman, setakat ini enam buah negara sudah mengesahkan

untuk mengadakan sidang video bersama Perdana Menteri dan diharapkan lebih banyak lagi negara lain akan turut serta.

(END)